

REXOMTM ASCORBIC ACID TABLET

Ascorbic Acid (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan RexomTM Ascorbic Acid
2. Bagaimana RexomTM Ascorbic Acid berfungsi
3. Sebelum mengambil RexomTM Ascorbic Acid
4. Cara mengambil RexomTM Ascorbic Acid
5. Semasa menggunakan RexomTM Ascorbic Acid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RexomTM Ascorbic Acid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan RexomTM Ascorbic Acid

Untuk mencegah dan merawat keadaan kekurangan asid askorbik seperti skurvi. Ia juga digunakan sebagai tambahan kepada pengambilan asid askorbik harian, serta dalam keadaan yang memerlukan pertambahan pengambilan vitamin C seperti kehamilan dan menyusuan.

Bagaimana RexomTM Ascorbic Acid berfungsi

RexomTM Ascorbic Acid mengandungi asid askorbik yang akan menghalang kekurangan asid askorbik dalam badan.

Sebelum menggunakan RexomTM Ascorbic Acid

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda mengalami alergi terhadap asid askorbik atau sebarang kandungan yang disenaraikan di dalam risalah ini.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Berhati-hati jika anda mempunyai keadaan ini:

- Gout
- Kelebihan zat besi dalam tubuh yang diwarisi (*Hemochromatosis*) atau kekurangan keupayaan tulang sumsum untuk menghasilkan sel darah merah yang normal (*sideroblastic anaemic*) atau *Thalassemia* (gangguan darah yang diwarisi).
- Terlalu banyak kristal oxalate dalam air kencing.

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan RexomTM Ascorbic Acid mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh RexomTM Ascorbic Acid atau mungkin menjelaskan cara ia berfungsi.

- Ia mungkin menjelaskan kesan kontraseptif oral.
- Ia boleh meningkatkan penyerapan zat besi daripada saluran gastrointestinal.
- Ia boleh mengurangkan tahap fluphenazine.
- Asid askorbik dan warfarin boleh mengurangkan kesan antikoagulan.

Cara mengambil RexomTM Ascorbic Acid

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan RexomTM Ascorbic Acid seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Kanak-kanak: 100- 400mg setiap hari.

Dewasa: 100-600mg setiap hari.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan RexomTM Ascorbic Acid seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil

-dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian segera.

Pengambilan RexomTM Ascorbic Acid secara berlebihan jarang menyebabkan kesan berbahaya kerana ia adalah vitamin yang larut di dalam air.

Semasa menggunakan RexomTM Ascorbic Acid

-Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan RexomTM Ascorbic Acid.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi RexomTM Ascorbic Acid dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan RexomTM Ascorbic Acid terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, RexomTM Ascorbic Acid boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

REXOM™ ASCORBIC ACID TABLET

Ascorbic Acid (100mg)

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapat manfaatnya kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Kekejangan pada perut
- Pening
- Sakit kepala

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web nptra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Rexom™ Ascorbic Acid

Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di tempat yang dingin dan kering. Lindungi daripada haba dan cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet oren yang bulat dan bergaris pada satu belah.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Asid askorbik.

- Bahan-bahan tidak aktif
Icing sugar, Lactose, Sodium saccharin, Sunset yellow, Kollidon PVP, Corn starch, deionised water, Orange Captamore dan Magnesium Stearate.

Nombor MAL

MAL19911363XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, 11900 Penang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

15/11/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)131117/00310